

Beg tangan, dompet tiruan RM27,600 dirampas

FOTO: IHSAN KPDNHEP SELANGOR KELMARIN.

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KP-DNHEP) Selangor menyita sebanyak 297 beg tangan dan 24 dompet pelbagai jenama tiruan bernilai RM27,600 dalam serbuan di sebuah butik berhampiran Alam Avenue Jalan Serai Wangi G16/G, Seksyen 16 di sini kelmarin.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, hasil serbuan, pihaknya menemukan barangan berkenaan yang disyaki menggunakan perihal dagangan palsu beberapa jenama yang dipamerkan untuk jualan.

Beliau berkata, hasil siasatan juga mendapati dompet itu dijual RM39 hingga RM49 seunit manakala beg tangan pula dijual RM80 hingga RM120 seunit.

"Stok barangan jualan dipercayai diperolehi daripada pemborong tempatan dan di-



Anggota KPDNHEP menjalankan pemeriksaan pada beg tangan yang dipamerkan di premis berkenaan menerusi operasi berkenaan.

pasarkan seluruh Malaysia secara atas talian.

"Selain itu, wakil pemilik cap dagangan juga telah membuat pengesahan ke atas barangan yang ditemui di premis tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Susulan serbuan itu, Muhamad Zikril berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 8 Akta

Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) dan turut menahan seorang wanita tempatan berusia 30 tahun bagi siasatan lanjut.

"Jika sabit kesalahan, pemilik perniagaan boleh didenda maksimum RM15,000 bagi setiap barang atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," katanya.